

## ADAT BOKODIN AUR SORUMPUN LUAK ULU MUAR

Kok perahu botambatan  
 Kok dagang botopat an  
 Kok paneh tompek bolindung  
 Kok hujan tompek botoduh  
 Kok hauh mombori air  
 Kok litak mombori nasi

Rumah nan bokotak botanggo  
 Kampung nan bosudut  
 Sawah nan bojonjang

Sikit tando ingat  
 Banyak tando ado  
 Hati gajah samo dilapah  
 Hati kuman samo dicocah  
 Kok banyak dibori boumpuk  
 Kok sikit dibori moraso

Kok makan biar nan halal  
 Kok memakai biar nan borosih

Orang bobudi kito bobahaso  
 Orang mombori kito moraso

Orang disuruh dibori bolanjo  
 Orang ditambek dibori makan



Buapak sedang menjalankan adat bokodin dari Luak Ulu Muar

Orang ditarek dibori gho  
Orang boranak nak boupah bidan  
Orang monikah dongan maha eh  
Orang hidup nak bobolanjo  
Orang mati nak dikhajarajatkan  
Orang boadat mengisi adat pusako eh  
Hukum bodiri dongan saksi  
Adat bodiri dongan tando  
Kok ke bumi samo dibontang an  
Kok ke langit samo diserak an  
Kok tulang samo putih  
Kok daging samo borek eh  
Souri sotomunilah kito  
Soelakan pusek  
Somilu pombahagian eh  
Pusako samo digilir an  
Kobosaan samo diturun an

Akhir eh bokatolah buapak:

Hari ini ese Tok Senaro Sati Buapak Adat suku Mungkal mengodinkan ..... ko Suku Mungkal Luak Ulu Muar. Domikianlah adat mongato, adat menyusun dalam rentetan cerito istiadat bokodin iaitu adat mengaku bosodaro antara seorang omak (ibu) angkat, adik-boradik, anak-anak dan sodo ahli suku eh. Masuk suku ado jo disobut dek orang bokodin. Untuk lobih sodap laie, kita tonton dan dongar posombahan Kumpulan Dato'-dato' Lembaga Luak 'Jlu Muar membuek posombahan "Adat Bokodin Aur Sorumpun".

Poi ko toluk boli borangan  
Buah nangko di topi laman  
Adat nan elok dibuang jangan  
Jadi an pusako jaman bojaman



Buapak sedang menepung tawar dan mencecah darah kepada anak angkat yang dikodinkan..

## **HURAIAN ERTI ADAT BOKODIN**

"Bokodin" maknanya adalah bersaudara. Adat ini bererti adat mengaku bersaudara antara seorang individu dengan ibu angkatnya. Begitu juga dengan adik-beradik, anak beranak ibu angkatnya. Bahkan semua anggota suku itu amnya.

Adat bokodin juga dikenali dengan kata lain "masuk suku" khususnya bagi orang-orang yang berasal luar dari Negeri Sembilan, lebih sinonim dengan istilah "masuk suku". Hinggalah kadang kala dipermainkan dan dipersenda-guraukan. Misalnya kalau orang luar berkahwin dengan orang Negeri Sembilan kenalah masuk suku sahaja.

## **SEBAB-SEBAB BOKODIN**

Bokodin tentulah ada sebab dan kerananya. Tidak masuk suku saja-saja atau suka-suka hati. Pertama orang dagang atau perantau yang datang ke Negeri Sembilan, dia tentu berasa sunyi maka diapun mencari emak angkat atau "induk semang". Adat Perpatih menggariskan:

Kok perahu bertambangan  
Kok dagang bertepatan

Pada masa lampau sekiranya lelaki luar Negeri Sembilan ingin berkahwin dengan seorang gadis Kuala Pilah umpamanya, dia hendaklah terlebih dahulu dikodinkan dengan mana-mana suku dua belas Luak Ulu Muar ini. Tetapi tidak kepada suku bakal isterinya. Ini kerana Adat Perpatih mengamalkan sistem "Eksogami" iaitu "kahwin di luar suku".

Perkahwinan yang unggul dalam masyarakat Adat Perpatih ialah antara pasangan lain suku dan dalam sesuatu perkahwinan, suami tinggal di rumah isteri "Matrilocal".

## **JENIS-JENIS BOKODIN**

Bokodin terbahagi kepada dua iaitu:-

1. Bokodin Pinang Sebatang atau Bokodin Sebilah Lantai atau Bokodin Selaih Atap. Ia diselesaikan oleh buapak sahaja



2. Bokodin Aur Serumpun atau Bokodin Adat dan Pusaka. Ia melibatkan buapak, besar waris, lembaga dan penghulu luak.

Dua jenis bokodin ini berbeza adat dan istiadatnya, syarat dan rukunnya. Fungsinya juga berlainan. Bokodin Pinang Sebatang lebih menjurus kepada sekadar menjalinkan ikatan saudara. Ikatan kekeluargaan ini memberi manfaat kepada individu yang bokodin. Dia telah ada tempat mengadu hal dan sakit pening ada orang yang mengambil tahu. Adat berkata:

Kok panas tempat berlindung  
Kok hujan tempat berteduh  
Haus memberi air  
Litak memberi nasi.

#### **PENGERTIAN BOKODIN AUR SERUMPUN ATAU BOKODIN ADAT DAN PUSAKA**

Bokodin jenis ini bukan saja sekadar menjalinkan tali persaudaraan tetapi lebih jauh dari itu. Ia benar-benar menjurus kepada sasaran apa yang dikatakan mengikat “pertalian darah daging” khasnya ibu sokonya (emak angkat) yang menerima pengkodinannya, adik-beradik keluarga terdekat dan suku waris itu amnya.

Bokodin Aur Serumpun menggambarkan satu-satu pengertian yang bukan sahaja tersurat bahkan tersirat juga. Contohnya menyembelih seekor kerbau melambangkan begitu sakitnya seorang ibu semasa melahirkan anak, tumpahan darah dan seumpamanya.

Penyembelihan itu mesti dibuat di dalam kampung pusaka adat, tidak boleh disembelih di pasar atau di padang. Ini mengingatkan kita bahawa seolah-olah anak yang dikodinkan itu lahir atau tumpah darahnya di tanah pusaka adat tersebut. Perbilangannya:

Rumah yang berkotak bertangga  
Kampung yang bersudut  
Sawah nan berjenjang.

Dagingnya dimasak dan dijamu semua anak-anak buah dalam suku tersebut. Sedikit daging mentah, hati, jantung dan lain-lain diagih kepada lembaga, buapak dan besar waris. Ia adalah pemeliharaan anak-anak buah kepada yang menjadi ketua adat. Doa pun ditampung menandakan kesyukuran. Perbilangannya:

Sikit tanda ingat  
Banyak tanda ada  
Hati gajah sama dilapah  
Hati kuman sama dicecah  
Kok banyak diberi berumpuk  
Kok sedikit diberi merasa

Alangkah unggulnya mesej yang diterapkan oleh budaya Adat Perpatih iaitu mengasuh dan melatih penganut-penganutnya beragama, berbudaya dan berbudi dalam perasaan yang halus.

### **ISTIADAT SEMASA UPACARA BOKODIN**

Dalam istiadat Bokodin Aur Serumpun atau Bokodin Adat dan Pusaka perkara yang harus dilakukan ialah:

#### **Tepung tawar**

Istiadat menepung tawar anak yang bokodin dan ibu sokonya bermaksud mensucikan kedua-dua mereka. Ini dilakukan oleh buapak.

Kok makan biar yang halal  
Kok memakai biar yang bersih

#### **Cecah darah**

Istiadat cecah darah ini juga dibuat antara anak, ibu dan buapak. Darah asen digunakan bagi istiadat ini. Darah seperti yang kita maklum adalah najis. Setelah anggota badan kita disuci dan dibersihkan tidak wajarlah dikotorkan pula. Dulu-dulu memang benar darah haiwan digunakan. Hari ini kita berpegang kepada hukum adat

dan hukum syarak yang bertimbang balik. Adat dan agama bak aur dengan tebing. Sandar menyandar, agama Islam melengkap dan menyempurnakan Adat Perpatih. Perbilangannya:

Adat bersendikan syarak  
Syarak bersendikan hukum  
Hukum bersendikan kitab Allah  
Syarak mengata  
    Adat mengikut  
    Syarak mendaki  
    Adat menurun

### **Pemberian anak buah**

Kain putih dan kain hitam diberikan kepada Dato Lembaga melambangkan keikhlasan dan suci hati anak-anak buah menerima anak yang dikodinkan atas perkenan Dato Lembaga iaitu suku yang empunya adat.

Orang berbudi kita berbahasa  
Orang memberi kita merasa

### **Duit adat**

Duit adat adalah pemberian yang lazim kepada ketua-ketua adat. Perbilangannya:

Orang disuruh diberi belanja  
Orang ditambat diberi makan  
Orang ditarik diberi harta  
Orang beranak nak berupah bidan  
Orang menikah dengan maharnya  
Orang hidup nak berbelanja  
Orang mati nak dikharajatkan  
Orang beradat mengisi adat pusakanya



### **Sebuah Al-Quran**

Sebuah Al Quran menjadi saksi berlangsungnya adat dan istiadat tersebut. Perbilangannya:

Hukum berdiri dengan saksi  
Adat berdiri dengan tanda

### **Ikrar sumpah setia**

Ungkapan ikrar sumpah setia anak yang dikodinkan kepada ibu soko, buapak dan suku semasa istiadat "cecah darah".

Jari manis kanan anak yang dikodinkan, ibu soko dan buapak dicelup ke dalam darah di dalam mangkuk.  
Ungkapan buapak: Hari ini saya Tok Senara Sati Buapak Adat Suku Mungkal mengkodinkan ..... ke ..... Suku Mungkal, Luak Ulu Muar.

Kok ke langit sama diserakkan  
Kok ke bumi sama dibentangkan  
Kok tulang sama putih  
Kok daging sama beratnya

Jadi pada hari ini:

Seuri, setemunilah kita  
Seelakkan pusat  
Semilu pembahagiannya  
Pusaka sama digilirkan  
Kebesaran sama diturunkan

### **Surat akuan bokodin**

Akhirnya menandatangani surat akuan bokodin yang disahkan oleh Dato Lembaga. Dalam perakuan ini dicatat dengan jelas dan lengkap pemberian tanah kampung dan sawah kepada yang bokodin. Dia berhak mendapat 1/3 bahagian tanah pusaka adat, baki 2/3 bahagian tanah pusaka adat itu diberikan kepada waris yang terdekat.

Orang ditarik diberi harta  
Waris jangan ditinggalkan  
Orang diberi boleh sahaja  
Orang monobuk padanganya luas.

Seterusnya mereka merafak sembah Dato Lembaga diikuti anak-anak buah sekalian. Maka selesailah adat Bokodin Aur Serumpun atau Bokodin Adat dan Pusaka.